



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 AUGUST 2016



NAJIB TUN RAZAK bersama Ahmad Bashah Md. Hanipah dan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, Datuk Abdul Rahim Saad (dua dari kiri) memalu gendang sebagai gimik perasmian Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Sungai Petani di Dataran Zero di Sungai Petani, Kedah, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Cari, daftar individu ada DNA BN - Najib

UM
- 22/8/2016

Oleh JAMLIHAH ABDULLAH
dan MOHD. RAFIE AZIMI
pengarang@utusan.com.my

■ SUNGAI PETANI 21 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak mengingatkan jentera UMNO dan parti-parti komponen agar mencari dan mendaftarkan individu yang mempunyai 'asid deoksiribonukleik' (DNA) Barisan Nasional (BN) untuk menjadi pengundi sebagai persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, tindakan itu perlu dilakukan segera bagi memastikan sokongan terhadap UMNO dan BN diterjemahkan ke kertas undi.

"Hendak tebus balik kekalahan hampir 10,000 undi seperti di Parlimen ini dalam PRU lepas bukan mudah tetapi perkara itu tidak mustahil. Kita telah buktikan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar di mana majoriti melonjak baru-baru ini.

"Kalau kena pada caranya, tiada 'jemuan' dan kita masing-masing pakat daftar pengundi, insya-Allah boleh menang. Daftar pengundi mesti dibuat segera utamanya mereka yang mempunyai DNA UMNO, MCA, MIC serta parti komponen lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Bersama Rakyat sempena Persidangan Perwakilan UMNO Sungai Petani yang dihadiri lebih 10,000 individu di Dataran Ground Zero di

sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; timbalannya, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, kesetiaan kepada parti wajar berada pada susunan teratas dalam perjuangan setiap ahli di semua peringkat daripada pemimpin sehingga ke akar umbi parti.

"Kita boleh cari orang pandai, malah kita boleh cari orang yang ada kelulusan setinggi-tingginya, tetapi kalau tidak ada nilai kesetiaan, apa guna kelulusan berjelajela. Bila matlamat peribadi tercapai atau bila cita-cita peribadi kita tidak

kesampaian, kesetiaan tidak lagi menjadi pegangan," tegas beliau.

Najib berkata, dalam konteks UMNO Kedah, Ahmad Bashah merupakan contoh yang tepat sebagai pemimpin yang mempunyai nilai kesetiaan yang tinggi kepada parti.

"Saya masih ingat lagi beliau kerja kuat sebagai Pengerusi UMNO negeri, tetapi bila sampai PRU bila saya habaq (beritahu) tolong bagi laluan kepada Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir, beliau tidak menolak atau bantah.

"Ahmad Bashah tidak merajuk kena turun daripada pengerusi kepada timbalan. Tidak lawan tauke dan tidak pergi merata-rata tempat buat perjumpaan mengutuk Presiden dan jauh sekali tubuh parti baharu," kata beliau.